

♥19/03/18-51MST
U GB 19-03 00172 BB750
BAH

Mahathir - Chia

MALAYSIA KESAL DENGAN TINDAKAN AMERIKA TERHADAP ERIC CHIA

KOTA BAHARU, 19 Mac (Bernama) -- Malaysia kesal dengan langkah dan cara pihak berkuasa Amerika Syarikat melayani Pengarah Urusan Perwaja Steel Sdn Bhd, Tan Sri Eric Chia baru-baru ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya dukacita apa yang berlaku kepada Tan Sri Eric Chia yang dikatakan mengacau", katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Perhubungan UMNO Kelantan, di pejabat UMNO, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau kurang yakin bagaimana seorang yang berumur 60 tahun seperti Eric boleh mengasari seorang yang lebih muda berumur 20 tahun sehingga polis terpaksa dipanggil.

Beliau berkata: "kalaulah dia lalukanpun, apakah dengan cara tindakan yang diambil terhadapnya dengan menggari, membogel, membawa dia dengan rantai itu patut?"

Katanya: "di Malaysia kerajaan tidak melakukan perkara seperti ini, kalau kita buat macam ini kita akan dituduh sebagai 'barbarian' dan apa pula yang hendak kita kata kepada orang yang buat perkara macam ini." -- Lagi.

♥19/03/18-56MST
U GB 19-03 00145 BB751
BAH NB418
U GBBX BAH
Mahathir - Chia 2 Kota Baharu

Perdana Menteri berkata, beliau sedih kerana ini merupakan kali kedua perkara seumpama itu berlaku kepada rakyat Malaysia, kali pertama tidak lama dahulu apabila sekumpulan rakyat Malaysia dikenakan tindakan yang serupa oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat.

Mengenai kejadian Shamsul Ramli, 16, yang dikatakan memasuki ruang roda Boeing 747 Penerbangan Malaysia (MAS) dari Kuala Lumpur, ke Johannesburg, Afrika Selatan, Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa terbabit masih meneliti perkara itu.

Beliau berkata, kerajaan tidak memberikan jangka waktu tetap untuk menyiapkan laporan itu, tetapi mahu ia disiapkan secepat mungkin.

Katanya, ada kemungkinan Shamsul merupakan pekerja dalam tempat itu (lapangan terbang) dan beliau tidak datang dari luar dan masuk ke situ (ruang roda).

Beliau berkata: "dalam keadaan begitu beliau (Shamsul) mempunyai peluang lebih untuk berbuat demikian." -- Lagi.

♥19/03/19-04MST
U GB 19-03 00052 BB752
BAH

Mahathir - Chia 3 (Akhir) Kota Baharu

"Lagipun daripada cerita keluarga dan orang terdekat dengannya menyatakan dia (Shamsul) berminat nak jadi McGyver," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, kemungkinan dalam keadaan begitu, dia (Shamsul) tidak sedar dan tidak tahu apa yang dilakukannya itu. -- Bernama.

♥19/03/19-07MST